

Headline	200 murid terima sumbangan TNB		
MediaTitle	Utusan Malaysia (Utara)		
Date	25 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	238,082	Readership	833,287
Section	News	Page No	26
ArticleSize	307 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 8,763		



200 murid terima sumbangan TNB

BALIK PULAU 24 Dis. - Sebanyak 200 murid dalam kalangan asnaf di kawasan Parlimen Balik Pulau terpilih menerima sumbangan berupa kelengkapan sekolah daripada Tenaga Nasional Berhad (TNB) sempena program Kembali Ke Sekolah.

Program yang pertama kali diadakan oleh TNB itu merupakan tanggungjawab sosial korporat (CSR) syarikat utiliti tersebut dalam bidang pendidikan bagi membantu golongan kurang berkemampuan menyediakan peralatan sekolah untuk anak-anak mereka.

Pengurus Besar TNB Pulau Pinang, Datuk Mohd. Zahir Md. Nagor berkata, selain negeri ini, program tersebut turut diadakan di Kedah, Perak, Kelantan dan Pahang.

Menurutnya, 1,000 pelajar dipilih di seluruh negara bagi menerima set kelengkapan sekolah iaitu dua pasang pakaian seragam, sepasang kasut dan stokin, beg sekolah, botol air serta pensel warna bernilai RM250 setiap seorang.

"Program ini pertama kali diadakan

TNB sebagai satu CSR bagi membantu golongan memerlukan dengan menyediakan kelengkapan persekolahan bagi anak-anak mereka selain agihan semula zakat perniagaan TNB.

"Setiap pelajar menerima set kelengkapan sekolah bernilai RM250 dengan kos keseluruhan bagi negeri Pulau Pinang RM50,000 berupa kasut, pakaian seragam, beg dan pensel warna," katanya kepada pemberita selepas majlis itu, di sini semalam.

Majlis itu disempurnakan oleh Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Hilmi Yahaya yang juga Ahli Parlimen Balik Pulau.

Yang turut hadir ialah Pengarah Pelajaran Pulau Pinang, Datuk Ahmad Tarmizi Kamaruddin.



Headline	200 murid terima sumbangan TNB			
MediaTitle	Utusan Malaysia (Utara)			
Date	25 Dec 2013	Language	Malay	
Circulation	238,082	Readership	833,287	
Section	News	Page No	26	
ArticleSize	307 cm ²	Journalist	N/A	
PR Value	RM 8,763			



HILMI Yahaya (tengah) bersama Mohd. Zahir Md. Nagor (duduk, dua dari kanan) bersama penerima sumbangan kelengkapan sekolah TNB di Balik Pulau, Pulau Pinang, kelmarin.